



Lam Thye (kanan) beramah mesra dengan anggota polis pada Seminar Bersatu Menentang Jenayah di UPM, semalam.

[FOTO AZHAR RAMLI/BH]

# Bersatu perangi jenayah: Lam Thye

**Serdang:** Masyarakat perlu bersatu memerangi jenayah bagi mencapai keamanan dan keselamatan dalam negara.

Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata kerjasama yang penting pada masa ini ialah dengan mempertahankan dan melindungi rakyat daripada ancaman jenayah.

Beliau berkata kerjasama untuk memerangi dadah dan jenayah yang dilihat tidak ber-

kesudahan juga penting pada masa ini.

Lam Thye bercakap kepada media selepas merasmikan seminar Bersatu Menentang Jenayah 2014 anjuran bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Yayasan Pengaman Malaysia, MCPF, dan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM) di UPM.

Yang turut hadir, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pengaman Malaysia, Da-

tuk Wira Ayub Yaakob.

Pada masa sama, beliau turut memuji inisiatif UPM kerana menganjurkan seminar berkenaan dan mahu usaha itu dilakukan secara berterusan selain menjadi contoh kepada institusi pengajian tinggi tempatan lain.

## Ubah persepsi negatif

Dalam perkembangan sama, Lam Thye turut mencadangkan kepada Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) supaya merangka

strategi untuk mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap isu penurunan kadar jenayah.

“Saya tegaskan di sini, ketupaan untuk memperbetulkan persepsi negatif masyarakat terhadap penurunan kadar jenayah amat penting.

“Mereka masih tiada keyakinan dan persepsi itu masih menular,” katanya yang turut menyenaraikan kategori jenayah yang berlaku ketika ini iaitu jenayah jalanan, pecah rumah dan jenayah siber.